

27 SEP 2001

Sarawak-Taib

KEMENANGAN DORONG USAHA LEBIH GIGIH, KATA ABDUL TAIB

KUCHING, 27 Sept (Bernama) -- Kemenangan besar Barisan Nasional (BN) dalam pilihanraya negeri Sarawak akan mendorong para wakil rakyat untuk berusaha lebih gigih dalam membangunkan negeri dan rakyat, kata Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud hari ini.

Beliau berkata kemenangan ini menunjukkan usaha kerajaan sejak lima tahun lepas mendapat penghargaan rakyat negeri ini.

"Kepercayaan yang diberikan oleh rakyat mendorong (BN) menghalusi strategi bagi meningkatkan lagi usaha pembangunan kita walaupun dunia dijangka menghadapi kemelesetan ekonomi," katanya.

Beliau berkata demikian pada persidangan media sebaik sahaja kesemua keputusan pilihanraya negeri kelapan diumumkan dan BN menang 60 daripada 62 kerusi yang dipertandingkan.

Abdul Taib yang memenangi kerusi Balingian berkata kerajaan akan cuba mencari pendekatan lain supaya kemelesetan ekonomi dunia tidak mejejaskan usaha meneruskan pembangunan bagi rakyat negeri ini.

Ketua Menteri juga berkata matlamat rakyat ialah untuk melihat dan menikmati lebih banyak pembangunan serta bersiap sedia untuk menghadapi globalisasi.

"Ia lebih penting berbanding isu lain, sebab itu mereka menunjukkan perpaduan yang sepenuhnya kerana mereka berazam untuk bergerak ke hadapan," katanya.

Rakyat harus dibela oleh BN melalui sistem pendidikan dan kemahiran dalam bidang teknologi moden seperti yang terkandung dalam manifesto BN.

Abdul Taib berkata pada pilihanraya kali ini pengundi juga telah menunjukkan sokongan yang lebih besar lagi terhadap kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Sebab itu boleh dikatakan keadaan mungkin telah kembali seperti sediakala berbanding pilihanraya Parlimen yang lepas," katanya.

Taib berkata, dengan kemenangan ini diharapkan kepimpinan BN, khususnya di peringkat pusat akan dapat dihargai oleh rakyat dalam caranya menghadapi cabaran kemerosotan ekonomi dunia yang dijangka turut melanda negara ini.

"Kita memerlukan Dr Mahathir ... inilah apa yang dikatakan oleh penduduk Sarawak...walaupun dalam masa kesusahan kita akan memberi sokongan sepenuhnya kepada beliau," katanya.

Mengenai kekalahan BN di Kidurong kepada calon DAP dan di Meluan kepada calon Bebas, Abdul Taib berkata ini bukan menunjukkan rakyat menolak BN di kedua-dua kawasan itu.

"Kejayaan di Kidurong ialah kerana populariti calonnya," kata beliau.

Ditanya mengenai kekalahan teruk calon bebas kumpulan bekas Menteri Pertahanan Datuk Abang Abu Bakar Mustapha, Abdul Taib berkata, "Selama ini saya mengelakkan daripada membuat kenyataan mengenai Abang Abu Bakar dan malam ini pun saya tidak mahu membuat apa-apa kenyataan."

-- BERNAMA

MT ZAI PR